

Lapan pengunjung disengat

Pantai Tok Bali diserang obor-obor sejak beberapa hari lalu

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Orang ramai yang a n g berkunjung ke Pantai Tok Bali di sini dinasihatkan supaya tidak melakukan aktiviti mandi-manda ekoran penemuan obor-obor yang terdampar di kawasan berkenaan sejak beberapa hari lalu.

Pegawai Anggota Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah

Pasir Puteh, Kapten (PA) Nik Mohd Nor Nik Mat berkata, walaupun obor-obor itu daripada spesies biasa namun ia tetap mampu mengancam keselamatan dan kesihatan pengunjung sekiranya terkena sengatan hidupan laut itu.

“Setakat ini seramai lapan orang pengunjung sudah terkena sengatan hidupan laut itu.

“Kesemua mereka telah dirujuk ke Hospital Tengku Anis Pasir Puteh untuk rawatan lanjut,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Nik Mohd Nor berkata, sebagai tanda amaran, APM melalui Pasukan Penyelamat Pantai telah menaikkan bendera merah supaya pengunjung menjauhi aktiviti mandi-manda di



Nik Mohd Nor (kiri) menunjukkan obor-obor yang ditemui terdampar kepada kanak-kanak yang mengunjungi Pantai Tok Bali semalam.

kawasan itu.

Katanya, setakat ini hanya aktiviti di kawasan gigi air sahaja dibenarkan.

“Mereka tetap diingatkan supaya sentiasa berwaspada dan tidak menyentuh serta menjauhi hidupan itu sekiranya ternampak ketika berjalan di kawasan tersebut,” katanya.



Obor-obor yang ditemui terdampar di Pantai Tok Bali.